

# Felda United perkenal kad FU4U

FELDA United memperkenalkan kad Felda United For You (FU4U) sebagai inisiatif menarik penyokong dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, pihaknya menyasarkan sekurangnya 3,000 mahasiswa dan mahasiswi yang terdiri daripada warga Felda mendaftar dan memiliki kad tersebut.

"Tidak seperti negeri, masing-masing ada semangat kenegarian. Kita sebagai sebuah pasukan kelab, walaupun seluruh negara ada Felda, namun masih belum berjaya mengumpul penyokong yang ramai.

"Jadi, antara langkah yang dibuat oleh persatuan adalah mengumpul dan menggalakkan anak-anak generasi baharu Felda yang berada di universiti menjadi penyokong Felda United.

"Kita lihat universiti terutama di Lembah Klang banyak, jadi kita adakan kempen untuk menggalakkan mereka jadi ahli dan penyokong setiap kali Felda United beraksi."

Mohd. Isa berkata demikian ketika ditemui di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai kelmarin.

Menurut Mohd. Isa, pelbagai kelebihan boleh dinikmati sekiranya memiliki kad tersebut, antaranya diskaun bagi



MOHD. ISA (berdiri tengah) bergambar kenangan dengan para penyokong Felda United pada majlis pelancaran kad FU4U di Nilai kelmarin.

tambang bas dan tiket penerbangan.

Pada Februari lalu, Fel-

da melancarkan kad keahlian FU4U yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu

Jingga dengan yuran pendaftaran RM150, Gold RM250 dan Platinum pula

bernilai RM500.

Selain mengumpul ahli, kad itu merupakan satu usaha Felda menjana pendapatan untuk menyumbang kepada perkembangan pasukan Felda United.

Setakat ini semua perbelanjaan bagi pasukan Felda United ditanggung sepenuhnya oleh Felda.

Antara kelebihan memiliki kad keahlian FU4U adalah perlindungan insurans kemalangan selain menikmati diskaun di Sunway Lagoon, Bukit Merah Laketown Resort, Pusat Perubatan KPJ anak-anak syarikat Felda, Touch & Go dan lain-lain.

Setakat ini, 3,400 orang sudah mendaftar untuk kad FU4U tersebut.